

# Kementerian kesal sikap kerajaan negeri

UM - 6 FEB 2003

KUALA LUMPUR 5 Feb. — Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kesal dengan sikap sesetengah kerajaan negeri yang gagal membendung kegiatan pembangunan tanah tinggi secara haram sehingga memusnahkan alam sekitar.

Menterinya, Datuk Law Hieng Ding berkata, sebelum ini jawatankuasa kabinet telah beberapa kali mengadakan mesyuarat mengenai pembangunan tanah tinggi dan pulau serta mengeluarkan garis panduan mengenainya kepada kerajaan negeri.

“Bagaimanapun kita tidak tahan bagaimana pembangunan tanpa Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) itu masih diluluskan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Hieng Ding memberitahu demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Putrajaya semalam yang melahirkan rasa kesal kerana pembangunan tanah

tinggi tanpa kelulusan masih berlaku sehingga memusnahkan alam sekitar.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa hanya hukuman penjara sahaja yang dapat membendung kegiatan pemaju yang tamak sehingga melanggar peraturan pembangunan kawasan tanah tinggi.

Menurutnya, hukuman denda sahaja tidak berkesan untuk menghalang mereka daripada terus bersikap rakus memusnahkan alam sekitar.